

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)  
BERKENAAN NACP & OACP  
(SEHINGGA 7 MEI 2019)**

1. Apakah peranan *Resource Person* (RP) bagi NACP?

Jawapan: Peranan *Resource Person* (RP) adalah:

- a) Memberi penerangan dan menyampaikan mesej yang terkandung dalam NACP
- b) Memberi nasihat berkaitan persoalan berhubung NACP
- c) Mengendalikan sesi pembangunan *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP)

2. Bagaimanakah taklimat penerangan NACP boleh dilaksanakan?

Jawapan: Kementerian, jabatan dan agensi atau mana-mana organisasi awam atau swasta boleh melaksanakan taklimat NACP dengan menghubungi *Resource Person* (RP) yang telah disenaraikan di dalam laman sesawang GIACC iaitu [giacc.jpm.gov.my](http://giacc.jpm.gov.my)

3. GIACC merupakan sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR). Adakah setiap kementerian perlu melaporkan semua aktiviti yang mereka laksanakan kepada GIACC?

Jawapan: Agensi Peneraju yang dinyatakan dalam NACP 2019-2023 yang juga telah dikenalpasti sebagai Agensi Pelapor kepada inisiatif tertentu adalah bertanggungjawab untuk melapor kemajuan pelaksanaan inisiatif kepada GIACC. Tidak semua kementerian adalah agensi pelapor. Agensi Peneraju merangkap Agensi Pelapor perlu mengemukakan laporan berkala pada setiap April, Julai, Oktober dan Januari tahun berikutnya menggunakan format pelaporan di Borang A yang telah ditetapkan dalam Arahan YAB PM No. 1 Bil 1 Tahun 2018 Siri 2 Bil 1 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

4. Pihak manakah yang akan melaksanakan pemantauan ke atas inisiatif yang dilaksanakan oleh agensi peneraju yang digariskan dalam NACP 2019-2023?

Jawapan: GIACC adalah entiti yang memantau dan menilai kemajuan pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam NACP 2019-2023. Setiap Agensi Peneraju yang telah dikenalpasti sebagai Agensi Pelapor Inisiatif perlu melapor kemajuan pelaksanaan inisiatif kepada GIACC.

5. Sekiranya sesebuah organisasi kerajaan telah melaksanakan *Anti-Bribery Management System* (ABMS), adakah masih ada keperluan untuk melaksanakan OACP?

Jawapan: ABMS dan OACP kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama. ABMS merupakan pensijilan piawaian bersifat antarabangsa manakala OACP merupakan pelan dalaman organisasi yang menggariskan tindakan dan hala tuju bagi menyediakan persekitaran yang menolak rasuah dalam organisasi. Dalam kedua-dua kaedah tersebut, kedua-duanya perlu melaksanakan *Corruption Risk Management* untuk mengenalpasti risiko-risiko yang wujud hasil daripada aktiviti-aktiviti sesebuah organisasi. Pembangunan OACP digariskan dalam Arahan YAB PM No. Bil 1 Tahun 2018 Siri 2 Bilangan 1 Tahun 2019, justeru adalah menjadi keperluan untuk sesebuah organisasi membangunkan OACP kerana OACP menggantikan Pelan Integriti Organisasi (PIO) yang digariskan di bawah Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004.

6. Sekiranya terdapat sesebuah agensi ingin memohon penceramah atau tenaga pengajar untuk NACP atau OACP, surat permohonan perlu disalurkan kepada siapa?

Jawapan: Sesebuah agensi boleh merujuk terus kepada senarai nama *Resource Person* yang dipaparkan dalam laman sesawang GIACC iaitu [giacc.jpm.gov.my](http://giacc.jpm.gov.my) dan surat permohonan terus dikemukakan kepada *Resource Person* yang dipilih. Butiran *Resource Person* dan nombor telefon serta email dipaparkan dalam senarai tersebut untuk memudahkan agensi menghubungi *Resource Person* yang dipilih.

7. Dalam NACP terdapat 115 inisiatif untuk dilaksanakan dalam tempoh masa 1, 2 dan 5 tahun, apakah mekanisme untuk menentukan tempoh masa tersebut?

Jawapan: Tempoh masa yang ditentukan bagi pelaksanaan ke atas inisiatif tersebut mengambil kira pelbagai aspek dan juga telah diperolehi maklumbalas dan pandangan dari agensi peneraju. Contohnya, bagi inisiatif yang memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan atau pindaan peruntukan undang-undang dan lain-lain yang melibatkan struktur perundangan, maka tempoh 5 tahun diperlukan. Jika ianya adalah melibatkan pentadbiran seperti pengeluaran pekeliling atau peraturan dan sistem dan sebagainya, maka diberi tempoh 1 atau 2 tahun.

8. Pelan Integriti Organisasi (PIO), CRM, Pelan Strategik Organisasi kesemua itu seakan-akan sama dengan NACP. Adakah kesemua pelan-pelan tersebut masih relevan untuk digunapakai setelah adanya NACP.

Jawapan: PIO telah diputuskan bahawa ianya tidak diteruskan dan digantikan dengan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Manakala CRM adalah suatu *tool* atau kaedah bagi menilai risiko rasuah. Hasil yang diperolehi dari dapatan pelaksanaan CRM, adalah merupakan input yang boleh digunakan dalam membangunkan OACP. Bagi NACP pula, ianya adalah dokumen pelan antirasuah yang dibangunkan yang mengandungi inisiatif di peringkat nasional dan bukan peringkat organisasi.

9. Jika sesebuah GLC atau mana-mana organisasi komersial telah melaksanakan ISO dan CRM, apakah faedah jika mereka membangunkan OACP?

Jawapan: OACP boleh dijadikan salah satu kaedah pencegahan khususnya apabila organisasi komersial seperti GLCs terlibat kes rasuah dan didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2018, jadi OACP boleh menjadi salah satu tatacara mencukupi (*adequate procedure*) yang telah diambil tindakan oleh sesebuah syarikat.

10. Adakah NACP ini agenda politik semata-mata?

Jawapan: Malaysia sebuah Negara Demokrasi berparlimen. Justeru, dalam melaksanakan agenda pentadbiran negara, ianya hendaklah selari dengan polisi kerajaan yang memerintah.

11. Mengapakah NACP ini ditetapkan tempoh lima (5) tahun iaitu 2019-2023?

Jawapan: Setiap pelan perlu mempunyai tempoh masa sebagaimana digariskan dalam *United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)*. Tempoh masa diperlukan untuk melaksanakan penilaian ke atas inisiatif yang digariskan dalam pelan. Ianya juga adalah mengikut norma antarabangsa, yang mana lima (5) tahun adalah merupakan amalan biasa ditetapkan bagi suatu pelan, dan juga tempoh bersesuaian bagi menilai semula keberkesanan sesuatu pelan. Dalam agenda memerangi rasuah, perlu ada *political will* untuk melaksanakan dan menjayakannya. Dalam pelan ini, terdapat juga cadangan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan, yang mana melibatkan keputusan 2/3 bersetuju dengan cadangan pindaan bagi perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan dan jangka masa yang lama diperlukan.

12. Adakah *Scenario Planning* digalakkan, dan apakah implikasi sekiranya agensi tidak mahu melaksanakan?

Jawapan: *Scenario Planning* digalakkan untuk dilaksanakan dan juga telah digariskan sebagai langkah dalam membangunkan OACP dalam Arahan No. 1 Bilangan 1 Tahun 2019 Siri 2 Bilangan 1 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Sekiranya tidak dilaksanakan oleh mana-mana agensi, ianya tidak menjadi suatu kesalahan. Ianya adalah untuk memberi panduan kepada organisasi melalui pandangan orang ramai/pihak lain atau peserta *Scenario Planning* itu sendiri apa yang bakal dihadapi di masa hadapan menggunakan kaedah atau *tool* perancangan senario khususnya dalam mendepani isu rasuah dalam organisasi tersebut.

13. Dalam membangunkan OACP, terdapat inisiatif di peringkat jabatan atau agensi di bawah tidak selari dengan inisiatif di agensi induk, adakah agensi tadi boleh mengubah inisiatif-inisiatif dalam OACP yang telah dimuktamadkan tersebut?

Jawapan: OACP juga adalah bersifat *living document* sebagaimana NACP. Justeru, apabila wujud keperluan untuk membuat penambahbaikan ke atas OACP yang telah disediakan untuk diselarikan dengan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di peringkat agensi induk, maka penambahbaikan perlu dibuat. Oleh itu, jika ada keperluan untuk disesuaikan dengan dasar atau keperluan pihak berkepentingan atau *stakeholder*, maka boleh diwujudkan *supplement document (dokumen tambahan)* ke atas OACP yang telah dibangunkan bagi memperjelaskan keperluan membuat penambahbaikan. Konsep *continuous improvement* (penambahbaikan berterusan) perlu diguna pakai agar setiap pihak jelas akan kaedah dan matlamat organisasi dalam menangani rasuah dalam organisasi dengan membangunkan OACP di peringkat organisasi masing-masing.

14. Kementerian, jabatan dan agensi ingin membangunkan OACP, adakah *Resource Person* perlu memperjelaskan dan menerangkan berkaitan OACP sahaja atau bersama-sama dengan Kementerian, jabatan dan agensi tersebut untuk membangunkan OACP?

Jawapan: *Resource Person* berperanan untuk menjelaskan NACP dan membantu membangunkan OACP. Pembangunan OACP adalah fleksibel, bergantung kepada keperluan agensi yang memohon. Sekiranya keperluan agensi tersebut adalah untuk penerangan sahaja, maka *Resource Person* boleh memberi penerangan, dan sekiranya agensi tersebut memerlukan *Resource Person* untuk turut membantu membangunkan OACP, maka *Resource Person* adalah berperanan memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam membangunkan OACP.

15. Apabila membangunkan OACP, penilaian risiko rasuah dibuat kepada semua unit/bahagian dalam kementerian. Adakah perlu meliputi semua bahagian dalam organisasi semasa melaksanakan *Corruption Risk Assessment (CRA)*?

Jawapan: CRA adalah salah kaedah untuk mengenalpasti risiko rasuah. Organisasi perlu membuat keutamaan ke atas unit atau bahagian mana yang menyumbang kepada perlakuan rasuah tertinggi dalam organisasi. Sekiranya tidak dapat menentukan unit atau bahagian mana dalam menilai risiko rasuah pada peringkat awal, maka bolehlah melaksanakan CRA pada setiap bahagian dalam organisasi, dan ianya melibatkan usaha dan komitmen yang tinggi memandangkan banyak pihak terlibat. Bagi organisasi yang telah membuat keutamaan pada peringkat awal, maka boleh terus menuju ke bahagian-bahagian berkaitan sahaja tanpa perlu melakukan di kesemua bahagian.

16. Inisiatif 115 dalam NACP 2019-2023 adalah bersifat inisiatif di peringkat nasional. Oleh itu, di peringkat negeri, contohnya Negeri Sarawak, adakah perlu mengikut apa yang terkandung dalam NACP tersebut, bolehkah ada perbezaan dalam membentuk OACP?

Jawapan: Dalam membentuk OACP, inisiatif yang dibangunkan di peringkat negeri perlu mengikut kesesuaian dan keperluan di sesebuah negeri. NACP 2019-2023 adalah merupakan panduan umum kerajaan negeri dan bagi membangunkan OACP, hendaklah mengikut risiko dan permasalahan setempat yang berlaku di peringkat negeri.

17. Dalam membentuk analisis data dan isu-isu semasa membangunkan OACP, adakah 22 inisiatif yang diberikan keutamaan dalam NACP 2019-2023 perlu disemak dan dipertimbangkan dalam membangunkan OACP?

Jawapan: Bagi sesebuah organisasi membangunkan OACP, NACP perlu dijadikan sebagai panduan awal dalam menyediakan kerangka OACP, namun tidak terikat untuk mengambil satu persatu kandungan yang terdapat dalam NACP kerana sekiranya 22 inisiatif yang diberi fokus dalam NACP tidak berkait secara langsung dengan organisasi tersebut, maka semestinya inisiatif-inisiatif tersebut tidak berkaitan. Namun, 22 inisiatif boleh diolah untuk disesuaikan mengikut konteks organisasi tersebut sekiranya perlu.